

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
[BESUT]**

TARIKH : 6 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status pelaksanaan inisiatif Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) untuk menambah baik kelajuan perkhidmatan jalur lebar sedia ada, termasuk menyediakan sistem asas bagi rangkaian baharu 5G.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif-inisiatif yang telah dirancang sebelum ini di bawah Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) seperti penyediaan perkhidmatan liputan jalur lebar mudah alih dan penaiktarafan rangkaian berasaskan tembaga kepada rangkaian gentian optik untuk pelanggan sedia ada di seluruh negara masih diteruskan.
2. Buat masa ini, di bawah inisiatif Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara 1 (NFCP 1), sebanyak 152 menara komunikasi baharu yang melibatkan 93 mukim di seluruh negara bagi penyediaan liputan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G dan 4G, sedang dalam pelaksanaan bermula dari 15 Februari 2020. Daripada jumlah 152 menara ini, pembinaan menara komunikasi di 147 tapak dijangka akan siap secara berperingkat bermula pada suku pertama 2021, manakala selebihnya dijangka siap pada suku pertama 2022 memandangkan lokasinya yang agak jauh di pedalaman.
3. Selain dari itu, bermula bulan Mac 2020 yang lalu, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga sedang giat melaksanakan inisiatif penaiktarafan rangkaian berasaskan tembaga kepada rangkaian gentian optik yang melibatkan sebanyak 933,724 pelanggan sedia ada di seluruh negara. Inisiatif yang dijalankan oleh Telekom Malaysia Berhad ini dijangka siap dalam tempoh 2 tahun ini. Jumlah ini dijangka akan diselaraskan dari semasa ke semasa disebabkan oleh faktor peralihan langganan pelanggan.
4. Pada masa yang sama, Kementerian dan SKMM juga sedang mengadakan sesi perancangan bersama pihak industri dan pelbagai agensi Kerajaan untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan menggunakan pelbagai teknologi. Perancangan ini akan menambahbaik pelan sedia ada di samping menyediakan rangkaian asas yang kukuh ke arah pelaksanaan perkhidmatan 5G.